



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PENCATAT GARIS OTAK (M.4-5 EB.6)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PENCATAT GARIS OTAK
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji M.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu pegawai klinikal di dalam pemeriksaan klinikal dan perawatan penyakit yang memerlukan rawatan kaedah *Neurology / Neurophysiology*;
2. Memberikan rawatan kaedah *Neurology / Neurophysiology* seperti *Electroencephalography* dan membantu di dalam memberikan kaedah rawatan pemulihan atau permasalahan anggota badan termasuk *Neurology*, paru-paru dan sebagainya mengikut arahan serta pengawasan dan bimbingan pegawai-pegawai klinikal;
3. Memantau perkembangan keadaan pesakit serta memaklumkan mengenainya kepada pegawai-pegawai klinikal;
4. Menyediakan peralatan-peralatan kaedah rawatan yang diperlukan untuk rawatan *Neurophysiology*;



5. Memastikan penjagaan semua alat-alat kaedah rawatan *Neurophysiology* berfungsi dengan baik dan tempat rawatan kemas dan bersih;
6. Memastikan inventori barang-barang keperluan ujian-ujian *Neurodiagnostic* sentiasa mencukupi, teratur dan dalam keadaan baik;
7. Menyediakan laporan-laporan statistik pesakit dan perkhidmatan *Neurophysiology* jika diperlukan; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.